

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tobumide Tablet
2. Bagaimana Tobumide Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Tobumide Tablet
4. Cara mengambil Tobumide Tablet
5. Semasa pengambilan Tobumide Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tobumide Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilan dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah Kegunaan Tobumide Tablet

Tobumide Tablet digunakan untuk rawatan diabetes mellitus/ kencing manis yang tidak bergantung kepada insulin.

## Bagaimana Tobumide Tablet Berfungsi

Tolbutamide tergolong dalam kumpulan ubat 'sulphonylurea'. Ia merangsang penghasilan insulin oleh sel beta kelenjar pancreas.

## Sebelum Mengambil Tobumide Tablet

### - Bila tidak boleh mengambil

- Anda alergi kepada Tolbutamide atau bahan- bahan lain yang terkandung di dalam produk ini.
- Menghidapi penyakit kencing manis yang bergantung kepada pengambilan insulin.
- Mengalami diabetik ketoasidosis. (komplikasi diabetes yang serius di mana badan menghasilkan asid darah, keton yang berlebihan).
- Mengalami koma dan prekoma diabetes.
- Mengandung atau menyusui.

### - Sebelum mula mengambil

Dapatkan nasihat doktor jika anda:-

- Mengandung/ Disyaki mengandung
- Merancang untuk mengandung.
- Menyusukan bayi.
- Akan menjalani pembedahan.
- Menghidapi penyakit buah pinggang.
- Menghidapi masalah hati.
- Mengalami trauma atau jangkitan yang teruk.

### - Jika mengambil ubat- ubat lain

Terdapat beberapa jenis ubat yang tidak digalakkan diambil bersama dengan Tobumide Tablet. Anda harus memaklumkan doktor dan ahli farmasi anda mengenai ubat yang sedang diambil termasuk ubat yang dibeli di farmasi tanpa preskripsi doktor. Maklumkan doktor dan ahli farmasi jika anda sedang mengambil ubat berikut:-

- Penyekat-beta
- Antibiotik
- Thiazide atau lain-lain diuretik
- Ubat penenang
- Corticosteroid
- Estrogen/pil cegah hamil
- Ubat tahan sakit
- Antikoagulan
- Produk hormon tiroid
- Ubat rawatan ulser

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk senarai ubat yang lebih terperinci.

## Cara menggunakan Tobumide Tablet

### - Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan ambil lebih atau kurang daripada kuantiti yang disyorkan.

Dos permulaan biasa bagi dewasa adalah 1g hingga 2g sehari. Julat dos adalah daripada 250mg sehingga maksima 3g sehari.

### - Bila perlu digunakan

Ambil Tobumide pada masa yang sama setiap hari.

### - Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan yang telah ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Jangan gandakan dos anda. Ambil dos seperti biasa bila tiba waktu untuk dos seterusnya.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan bantuan kecemasan.

## Semasa menggunakan Tobumide Tablet

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Tobumide Tablet mengikut arahan doktor.

### - Perkara yang tidak dilakukan

Jangan kongsi ubat anda dengan orang lain walaupun mereka mengalami masalah yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Rujuk doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang dinyatakan.

## Kesan-kesan Sampingan

Antara kesan-kesan sampingan Tobumine adalah:

- Loya, muntah-muntah, sakit epigastric
- Pening, lemah
- Reaksi sensitiviti dengan demam
- Penyakit kuning
- Ruam kulit
- Gangguan darah termasuk leukopeni, thrombocytopenia, anemia aplastik dan agranulocytosis.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan lain yang tidak dalam senarai ini, sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel : 03 78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers→ Reporting).

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Tobumide Tablet

### - Penyimpanan

Simpan pada suhu dibawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

### - Pelupusan

Jangan buang ubat yang berlebihan secara sebarangan. Dapatkan nasihat ahli farmasi anda mengenai cara-cara pelupusan ubatan.

## Maklumat Lanjut

### - Rupa dan Warna Produk

Tablet bulat, putih, rata dan berskor pada satu muka.

- Bahan-bahan Kandungan

- Bahan aktif

- Tolbutamide

- Bahan tidak aktif

- Magnesium Stearate,
- Sodium Starch Glycolate.

- Nombor MAL

MAL06011692AS

**Pengilang**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Pemegang Pendaftaran Produk**

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd. No.  
9,11 & 17, Jalan Kempas 4, Taman  
Perindustrian Tampoi Indah,  
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

30/07/2015

**Nombor Siri**

BPFK(R4/2)180615/00154